

## Wanita perlu sentiasa waspada, tolak pujuk rayu lelaki elak jadi mangsa rogol

**P**ERISTIWA seorang remaja perempuan yang menghuni sebuah rumah anak yatim di Marang mendakwa dirogol lelaki yang baru dikenali selepas menerima pelawaan untuk menginap di sebuah hotel murah amat perlu dipandang serius oleh remaja perempuan lain.

Ia boleh dijadikan pengajaran kepada remaja perempuan lain untuk lebih berhati-hati dan jangan mudah terpedaya dengan ajakan orang lain terutamanya lelaki. Apabila sesuatu perkara buruk berlaku akibat dari diperdaya, kesan dan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan juga terhadap ke-

uarga mangsa terutama dalam menjalankan tugas perkembangannya sebagai seorang wanita boleh berlaku.

Nasib bertambah malang apabila wanita diperdaya untuk melakukan jenayah seperti yang banyak berlaku kepada wanita yang ditangkap menjadi ejen sindiket pengedaran dadah. Banyak kejadian berlaku di mana wanita negara ini ditahan kerana menjadi ejen sindiket pengedaran dadah peringkat antarabangsa hanya kerana sikap mudah terpedaya dengan pujuk rayu pihak yang mengambil kesempatan.

Banyak kejadian yang membabitkan mangsa rogol

dan bunuh di kalangan wanita bermula dari sikap mudah terpedaya dengan ajakan dan pujuk rayu pihak yang ingin mengambil kesempatan. Sikap mudah mempercayai orang lain sering kali digunakan sebagai senjata untuk melakukan perkara tidak baik. Adalah lebih baik untuk mempunyai sikap wasangka dan syak terhadap individu yang baru dikenali untuk mengelak diri dari terpedaya.

Sikap terlalu mudah meletakkan kepercayaan kepada orang yang baru dikenali sering mengundang padah. Kejadian buruk tidak akan berlaku sekiranya tidak ada pihak yang mengambil ke-

sempatan di atas kesusahan orang lain, terutama golongan yang lemah yang memerlukan bantuan. Remaja perempuan yang menghadapi sebarang masalah boleh menghubungi pihak yang berkuasa serta ahli keluarga dan pihak yang sememangnya boleh dipercayai dan biasa dikenali. Mereka boleh menghubungi polis jika menghadapi sebarang masalah seperti kehilangan dompet atau kehabisan wang di tengah perjalanan.

Rogol bukan saja dilakukan oleh orang tidak dikenali. Justeru, wanita juga perlu berhati-hati dan jangan mudah terpedaya dengan pu-

juk rayu orang yang dikenali. Kesan rogol adalah trauma. Mangsa rogol secara psikologinya terpaksa menderita seorang diri atau mungkin berasa 'kotor' ataupun berasa dia yang bersalah. Rogol juga boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang serius, termasuk juga kehamilan, dan jangkitan penyakit sebaran seksual. Kesan paling biasa pada mangsa rogol adalah kesan psikologi. Bantuan secara psikologi perlu diberikan kepada mangsa rogol.

**DR SAPORA SIPON,**  
*Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM),  
Nilai, Negeri Sembilan.*